

# Dr. M: Belajar, rajin bekerja

Oleh BUSTAM ABRAHMAN  
16 JAN 1982

**KUALA LUMPUR, Jumaat —** Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegur sikap segolongan besar umat Islam yang hanya menitikberatkan amalan ibadat untuk diri sendiri tanpa memikirkan tanggungjawab mereka terhadap umat Islam yang lain.

Menurut Perdana Menteri, di samping beribadat untuk diri sendiri, seseorang umat Islam harus berusaha ke arah kebaikan dan pengekalan agama Islam serta umat Islam yang lain.

Sehubungan dengan itu, beliau menegaskan apa yang diperlukan bagi mempertahankan agama Islam serta membaiki nasib umat Islam ialah "kesanggupan kita mempelajari ilmu dan kecekapan tangan serta rajin berusaha."

Berucap di upacara meletakkan batu asas Bangunan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) berharga \$80 juta di Jalan Pekeliling di sini, Perdana Menteri berkata:

"Sementara kita boleh berbangga dengan bangunan yang akan kita dirikan, kebanggaan itu hendaklah disertai dengan keinsafan terhadap kelemahan yang masih ada pada kita oleh kerana insaf akan menghasilkan resolusi untuk mengatasi kelemahan ini.

## Berbagai rintangan

"Apa yang diperlukan daripada kita amatlah mudah dan ringan berbanding dengan apa yang dibebankan ke atas umat Islam di zaman Nabi dan di zaman Islam sedang berkembang.

"Mereka di zaman-zaman yang lalu terpaksa menghadapi berbagai rintangan sehinggakan nyawa sendiri diragut kerana mempertahankan dan membaiki nasib umat Islam".

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, umat Islam kini hanya dikehendaki mempelajari ilmu dan kecekapan tangan serta sanggup berusaha bagi mempertahankan dan membaiki nasib umat Islam keseluruhannya.

"Kita amatlah bernasib baik dan bahagia. Tetapi kita tidak menghargai semua ini dan tidak berusaha bersungguh-sungguh mengekalkannya.

"Ramal dari kita hanya memilih amalan ibadat untuk diri sendiri di akhirat dengan tidak memikirkan tanggungjawab kita terhadap umat Islam yang ada," tegasnya.

Perdana Menteri menambah, tumpuan semata-mata kepada diri sendiri sama ada untuk keperluan dunia dan akhirat bukan merupakan perkara yang dituntut oleh agama Islam.

Selanjutnya, beliau mengingatkan tentang perlunya umat Islam mempunyai berbagai kebolehan bagi mengelakkan "kita daripada terus bergantung kepada kecekapan orang lain."